

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

UNTUK PEKERJA-PEKERJA

A. Pengenalan

PT Resources Holdings Berhad dan anak-anak syarikatnya (secara kolektif dirujuk sebagai “**Kumpulan**”, “**kami**”) mementingkan dan berkomited kepada perlindungan Data Peribadi. Notis Perlindungan Data Peribadi ini (“**Notis**”) menerangkan tentang pengumpulan, penggunaan, pemprosesan, penzarihan dan penyimpanan Data Peribadi (sepertimana yang ditakrifkan selepas ini) termasuk Data Peribadi anda menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**Akta**”).

Dengan melawat laman web kami, dengan berinteraksi dengan kami, dengan memberikan Data Peribadi kepada kami, atau selainnya dengan mengakuiterima Notis ini, anda telah membaca dan mempersetuju i dan/atau anda dianggap telah membaca dan bersetuju untuk Kumpulan mengumpul, menggunakan, memproses, menzahirkan dan menyimpan Data Peribadi anda mengikut cara yang diperihalkan dalam Notis ini.

Sila ambil perhatian bahawa Kumpulan berhak untuk mengubah, meminda, mengemaskini dan/atau menukar Notis ini pada bila-bila masa. Anda dinasihatkan untuk memeriksa pengumuman-pengumuman kami dari semasa ke semasa untuk perubahan-perubahan, pindaan-pindaan, sebarang kemas kini atau variasi-variasi. Versi terbaru polisi-polisi Kumpulan bagi penggunaan, pemprosesan, penzarihan dan penyimpanan Data Peribadi dapat diakses melalui laman web Kumpulan melalui link berikut: <https://www.ptresourcesgroup.com.my/>

Dengan meneruskan komunikasi dengan Kumpulan anda dianggap telah menerima perubahan-perubahan, pindaan-pindaan, kemaskini atau variasi-variasi tersebut.

B. Pengumpulan Data Peribadi

1. Kumpulan mengumpul Data Peribadi anda semasa dan sepanjang tempoh perkhidmatan anda bersama kami termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat yang anda berikan (sama ada secara lisan atau bentuk bertulis), termasuk maklumat yang telah diberikan dalam proses permohonan, komputer-komputer, pelayan-pelayan, telefon-telefon bimbit, dan peranti-peranti lain sama ada yang telah

diberikan oleh Kumpulan atau yang anda miliki, daripada peranti-peranti Kumpulan (termasuk CCTV kami) dan daripada sumber-sumber maklumat pihak ketiga termasuk bekas majikan anda, atau rujukan-rujukan, pengesahan-pengesahan atau semakan-semakan latar belakang, laporan-laporan daripada penyiasatan-penyiasatan atau yang telah dihasilkan dalam tempoh permohonan anda untuk bekerja dan/atau hubungan perkhidmatan anda dengan Kumpulan sebagaimana yang berkenaan. Data Peribadi yang telah atau akan dikumpul termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- i. Butiran peribadi anda yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, jantina, bangsa, status perkahwinan, tarikh lahir, alamat rumah dan surat-menyerat, butiran perhubungan, nombor telefon, nombor pengenalan pekerja, nombor kad pengenalan, latar belakang pendidikan, nombor lesen memandu, maklumat pengangkutan, imej/foto, nombor rujukan cukai pendapatan, nama bank dan nombor akaun, status kewangan dan/atau kebankrapan anda, latar belakang keluarga, maklumat tanggungan-tanggungan dan ahli-ahli keluarga anda termasuk nama, pekerjaan, nombor kad pengenalan, nombor perhubungan kecemasan dan butiran-butiran pekerjaan terakhir anda;
- ii. Mana-mana data peribadi sensitif yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat berkaitan dengan kepercayaan agama anda, data berkaitan dengan perubatan dan kesihatan dan maklumat yang berkaitan dengan perlakuan atau perlakuan yang didakwa berkenaan dengan anda mengenai apa-apa jenayah;
- iii. Butiran berkaitan dengan pekerjaan anda yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada jawatan, tarikh-tarikh perkhidmatan, masa bekerja, terma-terma utama kontrak pekerjaan, gaji, faedah, butiran akaun bank, butiran cukai pendapatan, nombor akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan nombor akaun Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOSCO);
- iv. Butiran sesiapa yang boleh dikenal pasti daripada data peribadi anda yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat tentang tanggungan-tanggungan anda; dan/atau

- v. Lain-lain maklumat tentang anda, yang mana anda boleh dikenalpasti daripadanya.

(secara kolektif dirujuk sebagai "**Data Peribadi**").

- 2. Jika anda telah memberikan Data Peribadi seseorang individu yang lain ("**Pihak Ketiga**"), anda mesti memastikan bahawa anda telah memaklumkan kepada Pihak Ketiga tersebut bahawa anda memberikan Data Peribadi Pihak Ketiga tersebut kepada kami, dan telah memperolehi persetujuan Pihak Ketiga tersebut untuk membuat demikian.
- 3. Sila ambil perhatian bahawa anda berkewajipan untuk memberikan kepada kami Data Peribadi yang telah disebutkan di atas bagi membolehkan kami memenuhi tujuan-tujuan sepertimana yang telah diperuntukkan dalam Perenggan 4 di bawah. Jika anda gagal memberikan Data Peribadi atau jika anda tidak bersetuju dengan kami untuk memproseskan Data Peribadi anda, kami mungkin tidak berkemampuan untuk melaksanakan obligasi-obligasi kontrak kami dengan anda.

C. Tujuan-Tujuan

- 4. Data Peribadi yang dikumpulkan oleh Kumpulan boleh diproseskan oleh Kumpulan atau bagi pihak Kumpulan oleh sesiapa yang disenaraikan dalam perenggan 5 di bawah untuk antara lain dan tidak terhad kepada, tujuan-tujuan berikut:-
 - i. Penilaian kesesuaian anda untuk bekerja;
 - ii. Pengurusan obligasi-obligasi anda terhadap Kumpulan dan sebaliknya;
 - iii. Tujuan-tujuan penyimpanan rekod dalaman, termasuk tetapi tidak terhad kepada pentadbiran dan pemprosesan sepanjang dan/atau untuk perkhidmatan anda termasuk pemeriksaan latar belakang, faedah dan latihan;
 - iv. Pengagihan dan pemprosesan gaji dan faedah, termasuk membuat sumbangan-sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial;
 - v. Berkomunikasi dengan anda;
 - vi. Penilaian tahap prestasi anda dan menjalani taksiran prestasi;
 - vii. Tujuan pencukaian dan/atau pengauditan;

- viii. Tujuan pengurusan risiko dan keselamatan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengurusan dan pentadbiran e-mel, pengendalian dan penyiasatan apa-apa isu yang berkaitan dengan keselamatan, kelemahan, dan/atau insiden-insiden;
- ix. Siasatan dalaman dan prosiding undang-undang;
- x. Mendapat kelulusan kawal selia dan pematuhan peraturan;
- xi. Pematuhan undang-undang dan apa-apa pindaan yang berkuatkuasa;
- xii. Untuk apa-apa tujuan lain yang sedemikian yang mungkin diperlukan di sisi undang-undang;
- xiii. Untuk pelaksanaan apa-apa fungsi yang diberikan kepada sesiapa melalui undang-undang dan/atau untuk pentadbiran keadilan; dan/atau
- xiv. Untuk apa-apa tujuan yang berkaitan, yang bersampingan atau sebagai lanjutan kepada tujuan-tujuan yang disebutkan di atas.

(dirujuk secara kolektif sebagai “**Tujuan-Tujuan**”).

Sekiranya anda tidak bersetuju atau ingin mengehadkan Kumpulan untuk memproses Data Peribadi anda atau Data Peribadi mana-mana orang yang mungkin dikenalpasti daripada Data Peribadi yang diberikan kepada Kumpulan untuk apa-apa Tujuan yang disenaraikan dalam Notis ini, sila memaklumkan kepada Kumpulan melalui butiran kontak yang dinyatakan dalam perenggan 10 di bawah. Walaubagaimanapun, sekiranya anda tidak bersetuju, mengehad secara keterlaluan atau sekiranya anda menarikbalik persetujuan anda yang diberikan kepada kami untuk memproses Data Peribadi anda, kami mungkin tidak berkemampuan untuk melaksanakan obligasi-obligasi kontrak kami dengan anda.

D. Penzahiran kepada Pihak-Pihak Ketiga

- 5. Jika dan apabila perlu, Data Peribadi anda boleh dizahirkan kepada pihak-pihak ketiga (yang mungkin terletak dan/atau memproses Data Peribadi anda di luar Malaysia) termasuk yang dinamakan di bawah untuk mana-mana Tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 4 di atas atau mana-mana tujuan seperti yang dikemaskini dari semasa ke semasa:

- i. Ejen-ejen yang diberi kuasa, pembekal-pembekal, kontraktor-kontraktor dan pemberi-pemberi perkhidmatan pihak ketiga yang memberikan perkhidmatan kepada Kumpulan;
- ii. Penasihat-penasihat profesional luaran, juruaudit-juruaudit dan ejen-ejen cukai;
- iii. Jabatan-jabatan dan pihak-pihak berkuasa kerajaan termasuk Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, dan mana-mana badan kawal selia yang lain;
- iv. Mana-mana rakan kongsi perniagaan, pelabur, pihak-pihak ketiga yang menjalankan pemeriksaan latar belakang, penerima serah hak atau penerima pindahan (sama ada sebenar atau bakal) untuk memudahkan transaksi-transaksi Aset Perniagaan (yang boleh dilanjutkan kepada apa-apa penyatuan, pembelian atau apa-apa hutang atau penjualan aset) yang melibatkan Kumpulan atau mana-mana bahagian daripada perniagaan Kumpulan;
- v. Setiausaha Syarikat;
- vi. Likuidator-likuidator atau pentadbir-pentadbir Kumpulan;
- vii. Sesiapa yang diberikuasa oleh atau di bawah mana-mana undang-undang atau melalui perintah mahkamah; dan
- viii. Mana-mana syarikat atau entiti-entiti gabungan atau berkaitan yang merupakan sebahagian daripada Kumpulan termasuk MHC Coldstorage Sdn Bhd, MO Foodmart Sdn Bhd dan HGMC Holding Sdn Bhd.

E. Pemindahan dan Keselamatan Data Peribadi

- 6. Kumpulan boleh memindahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat-syarikatnya dan/atau pihak-pihak ketiga yang dikemukakan dalam Perenggan 5 di atas. Sekiranya Data Peribadi anda dipindahkan, Kumpulan akan mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa perlindungan-perlindungan kerahsiaan yang munasabah telah pun disediakan bagi memastikan hak-hak anda terhadap perlindungan Data Peribadi tidak terjejas.

F. Akses dan Pembetulan

- 7. Data Peribadi tersebut yang anda memberikan kepada kami mestilah tepat, lengkap,

tidak mengelirukan dan dikemaskini sehingga kini. Jika anda menyedari tentang apa-apa Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan atau jika Data Peribadi yang diberikan kepada kami sebelum ini telah menjadi tidak betul atau ketinggalan zaman, sila memberitahu kepada kami melalui butiran perhubungan yang diberikan dalam perenggan 10 di bawah.

8. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang, anda berhak untuk meminta akses dan membetulkan Data Peribadi anda, untuk membuat apa-apa pertanyaan atau aduan dan untuk menarikbalik persetujuan anda yang diberikan kepada kami di bawah ini. Permintaan yang sedemikian namun, mungkin tertakluk kepada keperluan-keperluan dalam Akta tersebut dan prosedur permintaan Kumpulan.

G. Piawai Penyimpanan

9. Apa-apa Data Peribadi tidak akan disimpan lebih lama daripada masa yang diperlukan bagi memenuhi Tujuan-Tujuan yang disebutkan dalam Notis ini. Kami akan berusaha untuk memastikan bahawa semua Data Peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika ia tidak lagi diperlukan bagi Tujuan-tujuan yang mana ia sepatutnya diproses.

H. Pertanyaan, Aduan, Permintaan tentang Data Peribadi dan sebagainya.

10. Untuk semua pertanyaan, aduan atau permintaan selanjutnya, sila hubungi:

Elaine Chan
Jabatan Sumber Manusia
Nombor Telefon: 0176363833
Emel: elainechan@mofoodmart.com

Kumpulan berhak untuk (a) menolak permintaan untuk akses atau pembetulan atas alasan-alasan yang diberikan di bawah undang-undang dan/atau (b) meminta satu yuran untuk setiap pemintaan akses seperti berikut:

Permintaan untuk Data Peribadi (tidak termasuk data peribadi sensitif) bersama satu salinan – RM10.00

Permintaan untuk Data Peribadi (tidak termasuk data peribadi sensitif) tanpa salinan – RM2.00

Permintaan untuk Data Peribadi (termasuk data peribadi sensitif) bersama satu salinan – RM30.00

Permintaan untuk Data Peribadi (termasuk data peribadi sensitif) tanpa salinan – RM5.00.

11. Dalam peristiwa konflik antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.